



MS ISO 9001:2008 REG NO KLR 0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (29)
Tarikh : 31 Julai 2013

Semua Staf,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2013
PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (LALU LINTAS) 2013**

1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 3 Tahun 2013 yang telah bersidang pada 24 April 2013 berhubung kelulusan pelaksanaan Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas) 2013

2.0 LATAR BELAKANG

Peraturan ini digubal bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kelancaran lalu lintas di dalam kawasan Kampus selaras dengan peranan Universiti dalam menyediakan persekitaran Kampus yang selamat dan harmoni.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeling ini berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2013**.

4.0 KAE DAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan terperinci boleh dirujuk di **lampiran A** berkaitan Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas) 2013.

5.0 PENUTUP

Peraturan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka peraturan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi badan melantik yang baru.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,



PROF MADYA DR BIBI ZARJAAN BINTI AKHBAR KHAN
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k Naib Canselor
 TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
 TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 TNC Penyelidikan dan Inovasi
 TNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
 Pegawai - Pegawai Kanan
 Dekan – Dekan Fakulti
 Pengerusi GPTI
 Pengerusi NADIMASA
 Pengerusi KESUPNA



**PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
(LALU LINTAS) 2013**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuatkuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Akta/Peraturan
5. Kesalahan-kesalahan lalu lintas di Kampus
6. Kuasa-kuasa Pengawal Keselamatan
7. Kuasa pembatalan pelekat kenderaan
8. Hukuman atau tindakan di atas kesalahan lalu lintas dan senarai
9. Had kuasa pemakaian Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas) 2013
10. Tanggungjawab pekerja, pekerja luar dan pelawat terhadap Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas) 2013

PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (LALU LINTAS) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 4 (1) (t) Perlembagaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia [P.U. (A) 473/2010], Lembaga Pengarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia membuat peraturan berikut :

1. NAMA DAN PERMULAAN KUAT KUASA

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Lalu Lintas) 2013 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada **1 OGOS 2013**

2. PEMAKAIAN

- 2.1 Peraturan ini digubal bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kelancaran lalu lintas di dalam kawasan Kampus.
- 2.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pekerja, pekerja luar dan pelawat termasuk kepada Pelajar Awam dan Pegawai kadet UPNM.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti kepada mana – mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam Kampus;

“Kampus” ertinya di kawasan Kampus Universiti Pertahanan Nasional Malaysia termasuk tanah, bangunan dan asrama kediaman:-

- i. Mana-mana kawasan Kampus Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang telah didiami dan/atau yang akan didirikan dari semasa ke semasa.

“kesalahan lalu lintas” ertinya kesalahan yang dinyatakan di dalam Peraturan ini;

“pekerja” ertinya semua staf yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik Universiti secara tetap, sementara, kontrak atau sambilan, dibayar emolumen oleh Universiti, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di Universiti secara pinjaman;

“pekerja luar” ertinya seseorang bukan pekerja Universiti yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di dalam Kampus Universiti, asrama pelajar atau bangunan Universiti dengan kebenaran pihak Universiti;

“pelawat” termasuklah seseorang atau kumpulan orang yang memasuki Kampus Universiti dengan izin selain daripada pekerja, pelajar atau pekerja luar;

“Pengawal Keselamatan” ertinya semua peringkat jawatan Pengawal Keselamatan yang dilantik oleh pihak berkuasa Universiti;

“Pegawai Keselamatan” ertinya pegawai keselamatan gred KP 41 ke atas yang dilantik oleh pihak berkuasa Universiti;

“tanda lalu lintas” termasuklah apa-apa isyarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas atau berhampiran dengan jalan untuk makluman, panduan atau arahan kepada orang-orang yang menggunakan jalan;

“Universiti” ertinya Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;

“pelajar” ertinya pelajar awam dan Pegawai Kadet UPNM yang mengikuti kursus pengajian di UPNM.

4. UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- 4.1 Peraturan ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu :
 - 4.1.1 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] termasuk pindaan yang berkaitan; dan
 - 4.1.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

5. KESALAHAN-KESALAHAN LALU LINTAS DI KAMPUS

5.1 Seseorang pekerja, pekerja luar dan pelawat adalah dilarang melakukan perkara-perkara berikut :

5.1.1 Memandu melebihi had laju

Tiada seseorang pun boleh memandu sesebuah kenderaan dalam Kampus melebihi had laju yang ditetapkan.

5.1.2 Memandu kenderaan di atas jalan atau laluan yang tidak dibenarkan

Tiada seseorang pun boleh memandu sesebuah kenderaan di mana-mana tempat melainkan di bahagian jalan atau laluan yang digunakan sebagai jalan laluan kenderaan.

5.1.3 Memandu kenderaan di atas lorong dan sebagainya

Tiada seseorang pun boleh memandu sesebuah kenderaan di atas koridor beranda, kaki lima, halangan berkepung atau di mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan.

5.1.4 Meletak kenderaan secara menghalang

Tiada seseorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya atau halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain.

5.1.5 Menggunakan ruang letak kenderaan yang disediakan

Tiada seseorang pun boleh meletakkan kenderaan lain, selain yang disediakan bagi ruang meletak kenderaan itu.

5.1.6 Membonceng

- i. Seseorang yang memandu motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal beroda itu.
- ii. Sesiapa pun tidak boleh memberangkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang dipandu oleh seseorang sama ada seorang pekerja atau bukan, bersalahan dengan perenggan (i).

5.1.7 Tidak mematuhi arahan dan tanda lalu lintas

Setiap pemandu kenderaan/penumpang motosikal hendaklah mematuhi semua arahan dan tanda lalu lintas.

5.1.8 Tidak mengemukakan lesen memandu apabila diminta

Mana-mana orang yang memandu atau menjaga atau menaiki sesebuah kenderaan hendaklah membawa bersamanya lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan yang berkenaan dan hendaklah membenarkan untuk diperiksa oleh seseorang Pengawal Keselamatan apabila dikehendaki berbuat demikian.

5.1.9 Halangan kepada lalu lintas

Sesiapa pun tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar atau teratur di dalam Kampus.

5.1.10 Larangan meletak kenderaan

Tiada seorangpun boleh meletakkan apa-apa kenderaan di tempat-tempat berikut :

- i. di kawasan yang diletakkan tanda “Larangan Meletak Kenderaan”;
- ii. di garisan kuning/petak kuning;
- iii. di kaki lima bangunan;
- iv. di hadapan tangga/pintu masuk mana-mana bangunan;
- v. di persimpangan jalan; dan
- vi. di bahu jalan.

5.1.11 Merosakkan atau memusnahkan harta benda

Mana-mana pekerja, pelawat dan pekerja luar yang menggunakan kenderaan dalam kawasan Kampus telah merosakkan atau memusnahkan harta benda Universiti atas sebab kecuaian atau akibat daripada kesalahan lalu lintas jalan yang terkandung dalam Peraturan ini, dikehendaki membayar balik sejumlah wang mengikut nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan setelah dituntut oleh Universiti.

6. KUASA-KUASA PENGAWAL KESELAMATAN

- 6.1 Pengawal Keselamatan adalah berkuasa mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - 6.1.1 melarang kenderaan yang tidak ada atau tidak menampal pelekat kenderaan dari memasuki kawasan Kampus;
 - 6.1.2 menahan kenderaan dan seseorang yang melakukan kesalahan lalu lintas dalam kawasan Kampus bagi tujuan mengambil sebarang maklumat mengenainya yang difikirkan perlu;
 - 6.1.3 mengeluarkan saman kesalahan lalu lintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan lalu lintas di dalam Kampus;
 - 6.1.4 mengunci roda dan/atau mengalihkan kenderaan yang melanggar peraturan meletak kenderaan;
 - 6.1.5 melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk tindakan tatatertib jika difikirkan perlu di atas kesalahan yang dilakukan oleh pekerja Universiti; dan
 - 6.1.6 mengambil apa-apa juga tindakan lain yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Universiti bagi menguatkuasakan Peraturan ini.
- 6.2 Pengawal Keselamatan berkuasa mengenakan denda Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja, mengunci dan/atau mengalihkan ke suatu tempat yang ditentukan bagi kenderaan yang melanggar mana-mana kesalahan lalu lintas di bawah Peraturan ini. Denda untuk membuka kunci kenderaan atau melepaskan kenderaan adalah Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja. Pemberitahuan akan dibuat melalui Pemberitahuan Kenderaan Dikunci Roda dan/atau dialihkan kepada pekerja, pelawat dan pekerja luar.

7. KUASA PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN

- 7.1 Pengawal Keselamatan boleh membatalkan atau menggantungkan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi enam (6) bulan keistimewaan pelekat kenderaan yang dikeluarkan kepada seseorang pekerja dan pekerja luar yang telah melakukan kesalahan-kesalahan lalu lintas di dalam kawasan Kampus.
- 7.2 Pekerja atau pekerja luar yang dibatal atau digantung keistimewaan pelekat kenderaan tidak berhak membawa kenderaan di dalam Kampus bagi tempoh masa keistimewaan tersebut dibatal atau digantung.

8. HUKUMAN ATAU TINDAKAN DI ATAS KESALAHAN LALU LINTAS

- 8.1 Seseorang pekerja, pekerja luar atau pelawat yang melakukan kesalahan lalu lintas di kawasan Kampus boleh dikenakan salah satu atau lebih hukuman seperti berikut :
- i. dikenakan denda Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja bagi setiap kesalahan lalu lintas yang dilakukan; dan/atau
 - ii. dikunci roda kenderaannya denda Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja untuk membukanya; dan/atau
 - iii. dialihkan kenderaan dan sejumlah denda untuk melepaskannya; dan/atau
 - iv. apa-apa kebenaran menyimpan, memiliki atau menggunakan kenderaan dalam Kampus akan digantung atau dibatalkan; dan/atau
 - v. dibatalkan keistimewaan pelekat kenderaan.
- 8.2 Pelajar awam dan Pegawai Kadet yang didapati memandu dan memiliki kenderaan di dalam kampus boleh dikenakan denda Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00).
- 8.2.1 Rayuan hukuman atau tindakan boleh dibuat kepada Pegawai Keselamatan Universiti.
- 8.3 Senarai denda yang diperuntukkan bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan adalah seperti di **Lampiran A**.

9. HAD KUASA PEMAKAIAN PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (LALU LINTAS) 2013

- 9.1 Pemakaian Peraturan ini hanya tertakluk terhadap semua kesalahan dan pelanggaran tatatertib lalu lintas di kawasan Kampus atau bangunan yang dijadikan premis atau bangunan Universiti.
- 10. TANGGUNGJAWAB PEKERJA, PEKERJA LUAR DAN PELAWAT TERHADAP PERATURAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (LALU LINTAS) 2013**
- 10.1 Tiada apa-apa jua dalam Peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pekerja, pekerja luar dan pelawat bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Lampiran A

JENIS-JENIS KESALAHAN DAN JUMLAH DENDA

NO.	JENIS-JENIS KESALAHAN	JUMLAH DENDA
1.	Meletak kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk pegawai kanan universiti;	RM 100.00
2.	Meletak kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk kenderaan jabatan;	RM 100.00
3.	Meletak kenderaan di bahu-bahu jalan;	RM 100.00
4.	Meletak kenderaan sehingga menghalang perjalanan aliran trafik;	RM 100.00
5.	Meletak kenderaan di padang kawad (Dataran Wawasan);	RM 100.00
6.	Meletak kenderaan di Foyer Bangunan-bangunan dan Foyer Makmal, Bengkel, Dewan dan kawasan sekitarnya;	RM 100.00
7.	Meletak kenderaan di kawasan padang/gelanggang permainan;	RM 100.00
8.	Memandu atau menunggang tanpa lesen dan cukai jalan yang sah;	RM 100.00
9.	Menunggang atau membonceng motosikal tanpa memakai topi keledar;	RM 100.00
10.	Tidak mendaftarkan kenderaan dengan Universiti bagi mendapatkan pelekat kenderaan;	RM 100.00
11.	Memiliki pelekat kenderaan palsu; dan	RM 100.00
12.	Memandu dan memiliki kenderaan di dalam kampus bagi Pelajar awam dan Pegawai Kadet.	RM 100.00